

02/01/2005

Sayap remaja pemangkin Belia 4B

By Daud Awang

KETUA Menteri Melaka yang juga Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berjaya mempertahankan jawatannya untuk penggal ketiga berturut-turut pada perhimpunan agung tahunan ke-30 pergerakan itu, baru-baru ini. Mohd Ali mula menerajui Gerakan Belia 4B pada 1994 selepas mengambil alih daripada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli. Di bawah kepimpinan Mohd Ali yang juga Naib Presiden Umno, Belia 4B mencapai banyak kejayaan, kemajuan dan pembaharuan. Berikut ialah sedutan temu bual Ketua Biro Berita Harian Melaka, DAUD AWANG dengan Mohd Ali untuk mengetahui misi dan hala tuju bagi memperkasa dan memartabatkan Belia 4B sehingga 2007.

S TAHNIAH kerana Datuk Seri diberi mandat sekali lagi menerajui Gerakan Belia 4B.

J Terima kasih kepada semua perwakilan kerana memberi mandat dan kepercayaan kepada saya untuk terus memimpin dan menerajui Gerakan Belia 4B bagi jangka masa tiga tahun lagi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana telah membantu saya melaksanakan tugas sebagai Presiden Gerakan Belia 4B sejak 10 tahun lalu iaitu sejak 1994.

Saya akan berusaha sebaik mungkin untuk meneruskan kesinambungan perjuangan pergerakan ini dalam usaha melahirkan belia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Sudah tentu dalam arus pemodenan dan kemajuan ini, banyak perkara yang perlu dirancang dan dilaksanakan terhadap pergerakan ini yang dianggotai hampir 200,000 belia di seluruh negara.

Memadai jika dikatakan, bidang keilmuan dan kemahiran adalah tumpuan utama saya ke arah memartabatkan gerakan ini pada masa depan. Bidang ini juga turut diberi penekanan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Semua orang tahu, jika ada ilmu saja tanpa kemahiran, ia tidak akan ke mana. Sebagai contoh, kita selalu bercakap mengenai bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), tetapi berapa ramai yang mahir menggunakan atau mengaplikasi ICT. Berapa ramai yang boleh membuat hardware dan software, berapa ramai yang boleh menyediakan website, berapa ramai sudah muncul sebagai usahawan IT. Ramai graduan lepasan ICT, tetapi apakah mereka ini benar-benar mahir dalam bidang berkenaan.

Oleh itu, Gerakan Belia 4B terpenggil untuk memperluaskan pelaksanaan kursus, seminar, latihan yang berhubung kait dengan kesedaran, kepimpinan, perjuangan dan penghayatan perjuangan dalam bentuk mental, fizikal di samping latihan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran secara teori dan praktikal. Saya yakin dengan ada kemahiran, seseorang belia itu mampu menjadi generasi yang terbaik untuk agama, bangsa dan negara.

S Peluang ini mungkin boleh dinikmati oleh belia. Bagaimana pula dengan golongan remaja belasan tahun?

J Menyedari hakikat ini, pada Perhimpunan Agung Tahunan Gerakan Belia 4B Malaysia ke-30 pada 23 Disember lalu, kita telah membentangkan usul meminda perlembagaan bagi membolehkan Remaja 4B memperkukuhkan organisasi dan menggerakkan kegiatannya secara lebih agresif dalam usaha membimbing generasi muda. Ini amat bersesuaian dengan konsep mempelbagaikan agenda perjuangan dari semua peringkat serta atas rasa keprihatinan untuk membimbing generasi muda terutamanya remaja aktif berpersatuan dan masa lapang mereka.

Dengan adanya sayap Remaja 4B ini, maka kita dapat mempertingkatkan keahlian dan merancang lebih banyak kegiatan yang boleh disertai ramai

remaja dan dengan ini menghindarkan mereka daripada terbabat gejala sosial. Pindaan perlembagaan ini juga akan membolehkan Remaja 4B sebagai pemangkin Belia 4B mempunyai organisasi yang tersusun dan boleh melaksanakan mesyuarat agungnya sendiri.

Pada mesyuarat agung yang akan datang, Gerakan Belia 4B akan menerima perwakilan daripada Remaja 4B dan dalam mesyuarat itu nanti, kita boleh dengar suara orang muda, dari orang muda dan untuk orang muda. Diharap melalui pindaan perlembagaan ini, Gerakan Belia 4B dapat menarik penyertaan kira-kira 100,000 golongan remaja. Dengan ini, golongan remaja dapat bergerak secara aktif melalui persatuan dan sekali gus mengelakkan mereka daripada terjebak dengan kegiatan yang tidak berfaedah.

S Boleh Datuk Seri jelaskan sedikit apa sebenarnya peranan Gerakan Belia 4B?

J Gerakan Belia 4B Malaysia (4B) yang ditubuhkan pada 1965 dan kini telah berusia 38 tahun. Satu usia yang boleh dianggap cukup matang sama ada dari segi tindakan, tingkah laku, peradaban dan perancangan. Dalam tempoh itu, Belia 4B telah menempuh pelbagai cabaran dan era kegemilangannya. Sebenarnya, 4B adalah singkatan daripada `BERSATU, BELAJAR, BEKERJA dan BERKHIDMAT manakala slogan Gerakan Belia 4B Malaysia ialah `BERGERAK'.

Sejak ditubuhkan, Belia 4B telah menjadi satu pertubuhan sukarela yang sangat aktif dengan kegiatan sosio ekonomi pelbagai peringkat bermula di kawasan luar bandar hingga ke bandar. Bermula dengan projek berasaskan pertanian hingga ke projek berasaskan perdagangan dan perindustrian. Kejayaan besar Belia 4B ialah menyatupadukan belia tanah air dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Munculnya pertubuhan 4B adalah hasil daripada kesedaran belia sendiri yang suatu ketika dulu telah memikirkan betapa perlunya sebuah pertubuhan belia diwujudkan bagi menyatupadukan masyarakat belia khususnya belia luar bandar semakin meningkat tetapi tidak berpersatuan. Motif seterusnya ialah menggembeng tenaga belia ke arah kemajuan dan kesejahteraan golongan yang akan mewarisi pusaka kepemimpinan masyarakat dan negara.

S Selama tiga penggal menerajui Gerakan Belia 4B, apa yang telah Datuk Seri lakukan?

J Saya sendiri tidak dapat menilainya tetapi setiap ahli tahu apa yang telah saya lakukan terhadap mereka. Kejayaan yang dicapai itu sama ada disedari atau pun secara tidak disedari. Antara kegiatan yang telah dilaksanakan ialah menerbitkan majalah Gerak 21 bertujuan mewar-warkan segala bentuk program, pengetahuan dan sebagainya kepada belia.

Selain itu, turut ditubuhkan Yayasan Al-Shabab untuk membangunkan pendidikan di kalangan belia. Selain itu, turut diwujudkan Tadika Yayasan Al-Shabab bertujuan memberi pendidikan asas kepada kanak-kanak pra sekolah. Bagi memastikan belia dapat menyertai kegiatan lasak atau mempelajari ilmu penerbangan, Kelab Penerbangan 4B di Lapangan Terbang Batu Berendam turut ditubuhkan. Ini satu-satunya kelab penerbangan yang diurus dan ditadbirkan oleh belia dan mampu bertahan hingga kini selepas dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1996.

Dalam bidang ekonomi pula, tumpuan diberikan terhadap penubuhan Koperasi Gerakan Belia 4B yang dikenali sebagai KOBIs pada tahun 2003 bertujuan menjana kemajuan dan perniagaan bagi golongan belia. KOBIs berperanan memasarkan barangan berjenama 4B seperti pakaian, cenderamata, sabun dan sebagainya selain perniagaan Kedai Dobi yang kini mendapat sambutan menggalakkan.

Selain itu, KOBIs turut terbabat dalam sektor pembangunan hartanah. Gerakan Belia 4B turut membina bangunan Ibu Pejabatnya di Bukit Persekutuan di samping membina bangunannya bernilai RM300,000 di setiap negeri. Setiap minggu atau setiap bulan Belia 4B di setiap negeri turut

menganjurkan pelbagai kegiatannya sendiri. Antaranya ialah Sukan Gerakan Belia 4B sama ada di peringkat negeri atau Pusat, tilawah al-Quran setiap tahun, kem motivasi dan seminar pendidikan yang terbuka kepada semua ahli. Banyak lagi yang kita lakukan terutama dari segi kerja sosial dan kemasyarakatan.

S Apakah aspek yang akan Datuk Seri tekankan sepanjang 2004 hingga 2007?

J Tumpuan utama pada 2005 ialah membanteras penyalahgunaan dadah habis-habisan seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri. Belia 4B sebagai pertubuhan belia yang terbesar di negara ini akan terus memainkan peranannya. Tumpuan Gerakan Belia 4B adalah untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah di kalangan belia dan remaja negara ini. Ini kerana jumlah penagih dadah yang berdaftar di negara ini telah meningkat kepada 250,000 orang.

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bagi setiap seorang penagih dadah berdaftar, terdapat empat orang lagi yang tidak didaftarkan. Ini bermakna jumlah penagih dadah di negara ini dianggarkan menjangkau sejuta orang. Dadah adalah musuh utama negara. Perangkaan 2003 menunjukkan 36,996 orang penduduk Malaysia terbabit dengan gejala dadah yang meliputi 20,194 penagih baru dan 16,802 penagih berulang. Sehubungan itu, Gerakan Belia 4B akan berusaha menangani gejala ini kerana lebih 80 peratus penagih dadah adalah daripada kalangan belia lingkungan umur 20-an hingga 40-an.

Saya berharap dengan pengukuhan sayap Remaja 4B ini masalah gejala sosial dan dadah dapat ditangani dan pada masa sama jumlah ahli Gerakan Belia 4B yang berumur 35 tahun ke bawah dapat ditingkatkan kepada 100,000 orang dalam tempoh tiga tahun akan datang. Sejak ditubuhkan, Gerakan Belia 4B kini mempunyai keahlian 185,000 orang dan mensasarkan untuk menarik lebih ramai ahlinya sehingga kepada 300,000 orang di seluruh negara pada masa depan.

Sebagai pertubuhan yang terbesar di negara ini, Belia 4B mempunyai tanggungjawab penting bagi menghadapi perkara ini agar gejala ini dapat dibanteras habis-habisan. Oleh itu, saya berharap ahli-ahli 4B bersama-sama memainkan peranan untuk menentang gejala penyalahgunaan dadah di samping gejala sosial yang lain. Ini dapat dilakukan dengan memperbanyakkan kegiatan berbentuk seminar dan kegiatan luar yang boleh mendekatkan diri dengan remaja.

Selain itu, isu antarabangsa juga turut dititik berat terutama membabitkan keganasan. Ini penting kerana isu keganasan ini boleh mengancam keselamatan negara. Gerakan Belia 4B turut bersependapat dengan kerajaan untuk menyelesaikan isu keganasan ini, ia perlu mencari sebab dan musababnya. Jika tidak, sampai bila pun isu keganasan ini tidak ada jalan penyelesaian.

S Apakah perancangan Datuk Seri untuk menarik penyertaan golongan belia menyertai Gerakan Belia 4B?

J Pendekatan kita adalah mudah iaitu melaksanakan program yang boleh menarik minat mereka. Dengan kata lain, setiap kegiatan yang dijalankan itu perlu memenuhi cita rasa golongan belia. Jika mereka sukakan sukan, kita akan memperbanyakkan kegiatan berbentuk sukan, jika mereka suka kegiatan lasak, kita akan adakan kemudahan yang membabitkan kegiatan itu. Sebenarnya tidak susah untuk menarik mereka menyertai Gerakan Belia 4B, asalkan kita tahu kehendak dan keperluan mereka.

Sebab itu, kita wujudkan Remaja 4B kerana melaluinya kita berharap ia akan menjadi wakil remaja dan sekali gus mewakili suara orang muda untuk orang muda. Untuk mencapai hasrat itu, pelajar lepasan sekolah, lepasan institut pengajian tinggi (IPT) dan peserta Program Khidmat Negara (PKN) akan dipelawa menyertai Gerakan Belia 4B.

Saya berharap usaha murni akan mendapat sambutan hangat daripada belia yang belum berpersatuan. Tumpuan juga akan diberikan ke arah mewujudkan

sekumpulan pegawai pemasaran serta perunding yang profesional dalam bidang pemasaran saham, insurans serta koperasi sebagai usaha melatih ahli untuk menceburkan diri dalam bidang korporat dan perniagaan. Selain itu, saya juga bercadang membina institut kemahiran bagi melatih belia ini dalam pelbagai bidang. Dengan cara ini, mereka mempunyai pelbagai kemahiran sebelum memasuki pasaran pekerjaan.

S Adakah Datuk Seri setuju bahawa belia kini mengharap insentif atau imbuhan sebelum melaksanakan sesuatu tugas atau cabaran.

J Perkara ini tidak berlaku dalam Gerakan Belia 4B. Kebanyakan ahli 4B melaksanakan sesuatu kerja itu secara sukarela dan berasaskan kepada permuafakatan. Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa sesetengah misi atau cabaran itu memerlukan perbelanjaan yang besar. Sebagai contoh ekspedisi mendaki Gunung Everest atau ekspedisi merentasi Selat Melaka menggunakan pesawat ringan microlight dari Melaka ke Dumai yang dilakukan oleh Kelab Penerbangan 4B Malaysia, semuanya memerlukan perbelanjaan.

Saya yakin, dengan adanya suntikan kewangan bukan sebagai imbuhan tetapi sebagai membiayai kos operasi mereka, ia dapat mendorong seseorang belia itu melaksanakan misi mereka dengan mudah dan lancar. Sejajar dengan itu, Belia 4B, mahu semangat Malaysia Boleh diteruskan dan setiap belia perlu mempunyai semangat dan jati diri yang boleh dibanggakan untuk membangunkan generasi akan datang.

S Ketika merasmikan perhimpunan agung tahunan 4B, Timbalan Perdana Menteri ada menyebut mengenai empat ciri utama yang perlu ada pada setiap belia iaitu menguasai ilmu dan kemahiran, ketahanan diri, berani berlaku perubahan dan bercita-cita besar. Apa komen Datuk Seri mengenainya?

J Saya menyokong kenyataan Datuk Seri Najib itu kerana keempat-empat ciri itu adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh belia dalam dunia yang serba kompleks ketika ini. Ini kerana belia masa kini terpaksa berdepan dengan pelbagai perkara termasuk globalisasi, liberalisasi dan dunia tanpa sempadan. Jika belia kita yang bakal mewarisi kepemimpinan pada masa depan tidak mempunyai ketahanan dalaman umpamanya, ia menyebabkan jiwa mereka mudah menjadi rapuh dan mudah terpengaruh dengan budaya yang tidak sihat yang cuba disalurkan oleh barat.

Bagi melahirkan golongan pelapis ini, Gerakan Belia 4B akan mengadakan pelbagai program pembentukan rohani bagi memastikan kemantapan diri di kalangan ahlinya. Dengan penghayatan agama yang kukuh di dalam diri masing-masing, ia menjadi benteng kepada belia untuk menghadapi pelbagai cubaan pada masa sekarang dan akan datang berikutan ledakan teknologi maklumat melalui internet dan sebagainya.

Untuk itu, Gerakan Belia 4B mengatur program Gerak Dakwah yang dilakukan setiap malam Jumaat minggu ketiga setiap bulan untuk semua ahli di peringkat cawangan, kawasan dan negeri bagi membentuk rohani yang mantap. Melalui benteng rohani yang kukuh, saya yakin belia tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif yang berlaku sekarang. Selain itu, belia juga perlu berhijrah untuk mencari pembaharuan termasuk meningkatkan dan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran masing-masing. Mereka juga sepatutnya bercita-cita besar bukan untuk kepentingan diri, sebaliknya untuk agama, bangsa dan negara.

S Bagaimana gerakan ini boleh dihubungkan dengan agenda perjuangan Melayu?

J Oleh kerana semua ahli Belia 4B adalah terdiri daripada orang Melayu, saya rasa ia mempunyai pertalian yang cukup rapat ke arah usaha ini. Memang dalam dasar perjuangan Belia 4B, kita tidak mencampuri urusan politik tetapi matlamat untuk memajukan orang Melayu tidak pernah diabaikan. Perkembangan dan pertumbuhan kemajuan ekonomi dan pembangunan negara di samping peningkatan sosial rakyat sedikit sebanyak mempengaruhi pertumbuhan atau perkembangan Belia 4B pada masa depan. Berikutan itu,

masa depan, keutuhan serta zaman kegemilangan Belia 4B bergantung kepada sejauh mana 4B dapat menarik masyarakat belia dan memperluaskan keahliannya di peringkat negeri, kawasan dan cawangan.

Untuk mencapai agenda perjuangan Melayu, tumpuan atau fokus terhadap sesuatu bidang perlu diberi keutamaan. Katakan kita ingin mewujudkan usahawan dalam bidang teknologi maklumat (IT), kita perlu mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka. Dengan adanya peluang pekerjaan, mereka dapat menyumbang fikiran dan kemahiran masing-masing. Sama juga dalam sektor pertanian, penggunaan bioteknologi dalam sistem pertanian perlu diperluaskan dan ia memerlukan kepakaran di kalangan belia. Oleh itu institusi latihan perlu diwujudkan dengan lebih banyak akan belia kita mendapat ilmu dan kemahiran yang secukupnya.

S Ke arah mana hala tuju Gerakan Belia 4B pada masa depan?

J Gerakan Belia 4B sentiasa menganjurkan pelbagai program untuk melahirkan lebih ramai belia yang berketrampilan dan berdaya saing terutama dalam menghadapi era globalisasi sekarang. Matlamat Gerakan Belia 4B ingin melahirkan belia yang mempunyai minda yang tajam dan berfikiran secara global. Untuk itu, kita perlu mengambil teladan di atas kejayaan wira negara seperti Datuk Azhar Mansor yang belayar secara solo mengelilingi dunia, Datuk Abd Malik Maidin dan Lennard Lee yang berenang merentasi Selat Inggeris; N Mohandas, K Magendran, Mohd Mugharrabin dan Ahmad Redzuan Razali yang berjaya mendaki Gunung Everest; Mejar (B) Halim Othman dan Datuk Paduka Kharudin Abu Hassan berjaya mencatatkan rekod menerbangkan pesawat ringan satu enjin berkuasa kipas menjelajah seluruh negara dan negara Asean melalui misi Kailan1 dan Kolonel (B) Zakaria Salleh serta Dr Yazid Mohd Nor berjaya menerbangkan pesawat ringan microlight merentasi selat Melaka ke Dumai, Indonesia.

Konsep jati diri dan Malaysia Boleh cuba ditekankan untuk menentukan hala tuju generasi belia pada masa depan. Selain itu, pemimpin Gerakan Belia 4B juga akan lebih tegas dalam mengutarakan isu-isu antarabangsa yang boleh mengancam keselamatan negara dan dunia. Baru-baru ini, Gerakan Belia 4B membantah sekeras-kerasnya tuduhan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Sinawatra yang menuduh negara kita sebagai pusat latihan pengganas.

Pada kita tuduhan itu biar berasas dan disertakan dengan bukti. Saya harap Thaksin perlu menggunakan saluran diplomatik untuk menyelesaikan apa juga masalah dan jangan mewujudkan suasana yang boleh menjemput kuasa besar campur tangan dalam negara-negara Asean.

S Pada perhimpunan lalu berlaku pertandingan, apa nasihat Datuk Seri kepada pemimpin yang berjaya dalam pertandingan itu.

J Kepada mereka yang terpilih diharap dapat menjalankan tugas dengan penuh komited dan jangan menghampakan perwakilan yang telah memilih mereka. Pertandingan itu adalah untuk memilih yang terbaik di antara yang terbaik.

S Ketika ini negara menghadapi kesan gempa bumi dan ombak besar tsunami, apakah sumbangan Gerakan Belia 4B?

J Gerakan Belia 4B melahirkan rasa dukacita dan simpati terhadap mangsa bencana alam ini. Sebagai bantuan segera, Gerakan Belia 4B telah menghulurkan bantuan RM5,000 kepada Tabung Bencana Alama Tsunami Malaysia yang dilancarkan oleh Kumpulan Media Prima. Selain itu, ketika melawat mangsa di Pulau Pinang dan Kedah, Gerakan Belia 4B turut menyumbang RM5,000 kepada jawatankuasa di negeri berkenaan.

Gerakan Belia 4B turut mengarahkan sukarelawanannya mendaftar dengan jawatankuasa bencana alam di peringkat negeri untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan. Melalui semangat sukarela ini, ia dapat membantu meringankan penderitaan mangsa yang terbabit dalam bencana ini. Kita turut melancarkan tabung kutipan bagi membantu mangsa bencana ini berdasarkan

kemampuan kita. Saya berharap semua ahli Gerakan Belia 4B yang berjumlah hampir 200,000 dapat menyumbang sekurang-kurangnya RM1 seorang untuk mengisi tabung ini. Selaku Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY), saya turut menghantar emel kepada semua cawangan WAY di seluruh dunia supaya menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana itu terutama di Sri Langka, di Aceh dan India.

S Akhir sekali apa nasihat Datuk Seri kepada pemimpin dan ahli pergerakan ini.

J Negara kita sesungguhnya amat bertuah kerana mempunyai barisan kepemimpinan yang berwibawa kerana pemimpinnya berasal daripada bekas pemimpin belia. Sebagai contoh, Perdana Menteri kita adalah bekas pemimpin Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) manakala Timbalan Perdana Menteri adalah juga bekas pemimpin Asrama Belia Malaysia (ABM).

Sehubungan itu, ahli-ahli dan pemimpin Gerakan Belia 4B harus mencontohi pemimpin negara ini yang telah berjaya menunjukkan teladan yang baik. Selain itu, kita juga mesti menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin untuk mencapai wawasan negara. Selaras dengan slogan 'Bergerak', pergerakan ini akan sentiasa bergerak seiring dengan dasar dan kehendak kerajaan serta berikrar akan memberi komitmen sepenuhnya dan menyokong segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam agenda pembangunan negara ke arah cemerlang, gemilang dan terbilang.

(END)